



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

PERKAHWINAN BAWAH UMUR BUKAN JALAN KELUAR BAGI MERINGANKAN BEBAN KEMISKINAN

Merujuk kepada kenyataan yang dikeluarkan semalam mengenai kanak-kanak 15 tahun yang berkahwin dengan duda berumur 44 tahun, berdasarkan kepada laporan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang mendapati perkahwinan ini telah mendapat kebenaran daripada Mahkamah Rendah Syariah Tumpat, Kelantan.

Saya ingin menegaskan pendirian bahawa saya tidak menyokong perkahwinan bawah umur ini dan berpandangan bahawa perkahwinan bukan merupakan jalan keluar bagi meringankan beban kemiskinan keluarga. Saya selaku Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mempengerusikan satu mesyuarat bagi membincangkan Cadangan Pindaan Had Umur Perkahwinan Dalam Perundangan pada 13 September 2018 dan dihadiri oleh wakil agensi-agensi yang berkaitan.

Mesyuarat ini telah meneliti had umur minimum perkahwinan bagi orang Islam, orang bukan Islam dan perkahwinan adat. Antara tindakan yang dipersetujui adalah:

- 1. Satu kertas cadangan disediakan secara bersama oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan KPWKM bagi cadangan menaikkan had umur minimum perkahwinan bawah umur bagi orang islam untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri.**
- 2. Penyediaan memorandum Jemaah Menteri mengenai cadangan pindaan had umur bagi orang bukan islam**
- 3. Ketua-Ketua Adat akan diberikan pengetahuan dan kesedaran mengenai kepentingan had umur minimum dalam perkahwinan adat.**

Selain itu, demi menjaga kepentingan dan masa depan kanak-kanak, saya menggesa pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) supaya lebih prihatin dan bersama-sama menyokong usaha kerajaan dalam mengekang perkahwinan kanak-kanak bawah umur ini dalam mengelakkan wujudnya risiko kelahiran anak di usia yang muda yang boleh mengancam nyawa anak dan ibu. Kerajaan juga bercadang akan membangkitkan isu ini di Majlis Raja-Raja bagi mendapatkan sokongan dari semua negeri.

Saya juga telah berbincang dengan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang berkaitan dengan perundangan di Malaysia untuk melihat *loopholes* dan *irregularities* di dalam undang-undang berkaitan perkahwinan dan meneliti ruang untuk penambahbaikan terutamanya yang meletakkan kanak-kanak di dalam keadaan yang tidak selamat (*vulnerable position*)

Ini penting bagi memelihara perkembangan kanak-kanak dalam semua aspek seperti kesihatan, pendidikan, keselamatan dan hak penyertaan kanak-kanak. Kepentingan dan kebajikan kanak-kanak merupakan tanggungjawab semua, memandangkan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of the Child - CRC*) merupakan komitmen Negara semenjak 1995.

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT
PUTRAJAYA

20 SEPTEMBER 2018